

## **TERMA DAN SYARAT**

### **Penganjur & Tempoh Peraduan**

1. "BELANJA DAN MENANG" ["Peraduan"] ini dianjurkan bersama oleh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad [No. Syarikat: 201101026564 (954700-A)] dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 2000801035403 (836743-D)) (PayNet) [secara kolektif dirujuk sebagai "Penganjur"].
2. Peraduan ini akan bermula pada 1 Oktober 2025 jam 00:01 (GMT+8) dan berakhir pada 15 Disember 2025 jam 23:59 (GMT+8), kedua-dua tarikh termasuk ("Tempoh Kempen").

### **Kelayakan & Kriteria Penyertaan**

Peraduan ini terbuka kepada:

- a. Mereka yang membuat transaksi di gerai-gerai terpilih di R&R PLUS dan Hentian Sebelah dengan perbelanjaan minimum RM30 dalam resit gabungan pada hari yang sama melalui terminal MPay, NTT Data atau Pinelabs sahaja.
  - b. Resit tunggal melebihi RM30 (contohnya RM60 atau RM90) juga layak tetapi hanya dikira sebagai satu penyertaan sahaja.
  - c. Semua pemegang kad MyDebit Automated Teller Machine ("ATM") yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia.
  - d. Mesti mempunyai ciri DuitNow QR aktif daripada mana-mana institusi kewangan berdaftar di Malaysia.
  - e. Penduduk tetap Malaysia atau warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, mempunyai dokumen pengenalan yang sah dan mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia sepanjang tempoh peraduan ("Peserta").
  - f. Akaun peserta tidak boleh tidak aktif (dormant) dan mesti aktif dengan kedudukan kewangan yang baik sepanjang Tempoh Peraduan.
  - g. Mereka yang tidak termasuk dalam kategori disenaraikan di Klaus 3 di bawah.
3. Individu berikut tidak layak menyertai Peraduan ini untuk memenangi Hadiah Mingguan dan Hadiah Utama:
    - a. Pekerja Penganjur (termasuk anak syarikat, syarikat bersekutu dan/atau syarikat berkaitan) serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, ibu bapa, adik-beradik, anak); dan/atau
    - b. Pekerja, wakil, pengedar dan/atau agensi pengiklanan serta promosi Penganjur (termasuk anak syarikat, syarikat bersekutu dan/atau syarikat

berkaitan) serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, ibu bapa, adik-beradik, anak).

### **Mekanisme Peraduan – Kelayakan dan Transaksi Sah**

4. Untuk menyertai peraduan “Belanja dan Menang”, peserta mesti:
  - a) Berbelanja minimum RM30 dalam sehari menggunakan Kad MyDebit, resit gabungan, di peniaga terpilih di R&R dan Hentian Sebelah melalui terminal tanpa tunai MPay, NTT Data atau Pinelabs sahaja untuk layak memenangi hadiah.
  - b) Berbelanja minimum RM30 dalam sehari menggunakan DuitNow QR dengan mengimbas *Dynamic QR* sahaja, resit gabungan, di peniaga terpilih di R&R dan Hentian Sebelah melalui terminal tanpa tunai NTT Data atau Pinelabs sahaja untuk layak memenangi hadiah.
  - c) Jumlah terkumpul RM30 boleh terdiri daripada resit MyDebit dan/atau DuitNow QR.
5. Peserta mesti menghantar resit mereka melalui laman web khas dengan mengimbas kod QR pada visual utama kempen dan memberikan butiran peribadi asas seperti berikut:
  - a. Nama
  - b. Nombor Telefon
  - c. Emel
6. Setiap resit yang dihantar dikira sebagai satu (1) penyertaan sahaja. Penghantaran berganda bagi resit yang sama tidak dibenarkan.
7. Tiada had bilangan penyertaan yang boleh dihantar oleh peserta, dengan syarat setiap penyertaan disertakan resit yang berbeza.
8. Peserta mesti berbelanja dengan jumlah minimum di gerai-gerai terpilih di semua lokasi disenaraikan di bawah untuk layak menyertai peraduan “Belanja dan Menang”.
  - 1) R&R Gurun Arah Utara
  - 2) R&R Gurun Arah Selatan
  - 3) R&R Gunung Semanggol Arah Utara
  - 4) R&R Gunung Semanggol Arah Selatan
  - 5) Hentian Sebelah Taiping Arah Utara
  - 6) Hentian Sebelah Taiping Arah Selatan
  - 7) Hentian Sebelah Bukit Gantang Arah Utara
  - 8) R&R Sungai Perak Arah Utara
  - 9) R&R Sungai Perak Arah Selatan
  - 10) Hentian Sebelah Simpang Pulai Arah Utara

- 11) Hentian Sebelah Simpang Pulai Arah Selatan
- 12) R&R Tapah Arah Utara
- 13) R&R Tapah Arah Selatan
- 14) R&R Ulu Bernam Arah Selatan
- 15) Hentian Sebelah Ladang Bikam Arah Utara
- 16) Hentian Sebelah Ladang Bikam Arah Selatan
- 17) Hentian Sebelah Behrang Arah Utara
- 18) Hentian Sebelah Behrang Arah Selatan
- 19) R&R Rawang Arah Utara
- 20) Restoran Jejantas Sungai Buloh (OBR)
- 21) R&R Dengkil Arah Utara
- 22) R&R Dengkil Arah Selatan
- 23) Hentian Sebelah Serdang Arah Utara
- 24) Hentian Sebelah Serdang Arah Selatan
- 25) Hentian Sebelah Nilai Arah Utara
- 26) Hentian Sebelah Nilai Arah Selatan
- 27) R&R Seremban Arah Utara
- 28) R&R Seremban Arah Selatan
- 29) Restoran Jejantas Ayer Keroh (OBR)
- 30) R&R Ayer Keroh Arah Utara
- 31) R&R Ayer Keroh Arah Selatan
- 32) R&R Pagoh Arah Utara
- 33) R&R Pagoh Arah Selatan
- 34) R&R Machap Arah Utara
- 35) R&R Machap Arah Selatan

### **Hadiah untuk Pemenang**

9. Hadiah dikategorikan kepada 5 kategori:

Kategori Hadiah	Jenis Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Perodua Alza 1.5 H	1 Pemenang
Hadiah Pertama	Baucar Petrol Setahun bernilai RM5,000 setiap satu	10 Pemenang
Hadiah Kedua	Samsung Galaxy Z Flip 7	3 Pemenang
Hadiah Saguhati	Samsung Galaxy Tab FE	10 Pemenang
Hadiah Bulanan	Baucar Petrol Bernilai RM300	100 Pemenang
	Baucar Petrol Bernilai RM200	100 Pemenang

10. Gambar hadiah yang dipaparkan dalam sebarang bahan promosi, iklan, penerbitan/laman web dan lain-lain bahan berkaitan peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan hadiah sebenar.

11. Pengajur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai pada bila-bila masa tanpa notis

terlebih dahulu. Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan penggantian hadiah.

12. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai pemenang) hanya layak memenangi SATU (1) Hadiah sepanjang Tempoh Peraduan.
13. Pemenang Hadiah Bulanan akan diumumkan pada akhir setiap bulan untuk penyertaan dari bulan sebelumnya. Contoh: Pemenang Oktober akan diumumkan pada 30 November 2025.
14. Pemenang berikut akan diumumkan dalam tempoh 30 hari sebelum Majlis Penyampaian Hadiah yang akan diadakan pada tahun 2026:
  - Hadiah Utama
  - Hadiah Pertama
  - Hadiah Kedua
  - Hadiah Saguhati

### **Hak Penganjur**

15. Jika atas apa jua sebab kempen ini tidak dapat diteruskan seperti dirancang kerana (dan tidak terhad kepada) virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, sebarang tindakan kerajaan termasuk tetapi tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan, atau apa-apa sebab di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk menamatkan, menangguhkan, mengubah suai, atau menggantung Kempen ini dengan notis terlebih dahulu.
16. Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan Kempen dengan atau tanpa notis.
17. Penganjur atas budi bicara mutlaknya boleh membuang dan/atau mendiskualifikasi mana-mana Peserta dan/atau penyertaan sekiranya didapati atau disyaki menipu/menggodam/merosakkan proses penebusan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kempen.
18. Penganjur berhak meminda Terma dan Syarat Kempen tanpa notis.
19. Di samping Terma dan Syarat ini, sebarang perintah atau peraturan lain Kempen yang dinyatakan di laman web <https://prizehunt.xyz/contests/18-belanja-dan-menang> dan <https://www.plus.com.my/our-facilities/> atau sebaliknya, juga mengikat semua Peserta dalam penyertaan mereka dalam Kempen ini.

20. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang terma dalam bahan promosi untuk Kempen ini, terma yang dinyatakan di <https://prizehunt.xyz/contests/18-belanja-dan-menang> dan <https://www.plus.com.my/our-facilities/> akan diguna pakai.
21. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
22. Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Kempen ini (sama ada untuk tujuan menyertai, mengambil bahagian atau menerima sebarang manfaat atau diskauan daripada Kempen) adalah tanggungjawab mutlak Peserta. Penganjur, syarikat bersekutu atau ejen yang sah tidak akan bertanggungjawab atas kos/caj/yuran/perbelanjaan tersebut.
23. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, syarikat bersekutu atau pihak ketiga yang sah tidak akan bertanggungjawab ke atas penyertaan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan, kerosakan, kelewatan, atau sebarang ralat teknikal.

### **Tanggungjawab dan Liabiliti**

24. Peserta hendaklah menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti dan tanggungjawab akibat daripada kecuaian atau keingkaran sengaja mereka kerana penyertaan dalam Kempen ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Ganjaran Diskaun, serta bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan atas sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa atau kerugian ekonomi dan lain-lain.
25. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, dalam apa jua keadaan Penganjur atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk mana-mana agensi pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau apa jua punca sama ada kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya berkaitan dengan Kempen ini, walaupun Penganjur telah dimaklumkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua kerosakan sedemikian adalah dikecualikan secara nyata.
26. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur dan bersetuju tanpa syarat kepada

Terma & Syarat Kempen ini dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur.

27. Terma dan Syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah di Malaysia.

**[TAMAT]**